



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 5/1/2019	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	: KATS / YBM / SPAN / PAAB		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Air Selangor operator tunggal

FOTO: BERNAMA



Majlis Menandatangani Perjanjian Tambahan Ketiga Kepada Perjanjian Utama Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

4 Januari 2019, Jumaat
Grand Ballroom 2, Putrajaya Marriott Hotel

Xavier (lima, kanan) bersama Amirudin (empat, kiri) menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Persefahaman antara Yew Chong (tiga, kiri) dengan Mohd Amin (empat, kanan) semalam.

Syarikat itu akan jalankan operasi bermula 1 April depan

TUAN BUQHAIRAH TUAN
MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Selepas beberapa tahun tertangguh, Air Selangor bakal menjadi operator tunggal dalam perkhidmatan bekalan air bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Ia berikutan Perjanjian Tambahan Ketiga Kepada Perjanjian Utama, Penstrukturan Semula Industri air itu dimeterai semalam.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Dr Xavier Jayakumar berkata, Air Selangor akan menjalankan operasi mulai 1 April depan.

"Saya juga harap dengan momentum ini urusan pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) berjalan lancar dan pada 1 April 2019, Air Selangor akan dapat beroperasi sebagai pemegang lesen individu tunggal perkhidmatan bekalan air," katanya.

Menurutnya, di bawah perjanjian itu, kerajaan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bersetuju menyediakan kemudahan pembiayaan RM1.9 bilion bagi membantu pengambilalihan tersebut.

"Pembiayaan PAAB dengan kadar faedah kompetitif dan jangka bayar balik yang panjang mampu mengurangkan tekanan ke atas tarif air ke atas pengguna," katanya.

Beliau berkata, menerusi penstrukturan tersebut Air Selangor akan beroperasi secara aset (asset light).

"Air Selangor tidak lagi dibebankan dengan tanggungjawab untuk mendapatkan

pembiayaan bagi membiayai aset-aset air, sebaliknya hanya menyewa daripada PAAB dengan membayar sewa pajakan pada kadar yang kompetitif," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Tambahan Ketiga Kepada Perjanjian Utama Penstrukturan Semula industri air, di sini.

Perjanjian tambahan ketiga itu di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Selangor, PAAB dan Air Selangor disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KATS, Datuk Dr Tan Yew Chong, Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kats, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji dan Menteri Besar Selangor, Datuk Amiruddin Shari.

Amiruddin berkata, dengan kejayaan Penstrukturan itu, Air Selangor dapat kurangkan kos air terawat kepada kadar lebih munasabah.